



**MAJLIS DAERAH KAMPAR  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut: -

<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GREED</b>	<b>TARAF</b>	<b>KEKOSONGAN</b>
1.	Pembantu Penguat Kuasa	KP19	Kontrak (Contract of Service)	3

**CARA MEMOHON:**

- a. Semua permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh diperolehi daripada Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Kampar atau melayari laman web rasmi Majlis Daerah Kampar di pautan [www.mdkampar.gov.my](http://www.mdkampar.gov.my).
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar ukuran pasport, salinan Kad Pengenalan dan Surat Beranak, Sijil Tamat Sekolah, Sijil Persekolahan, kelulusan akademik serta dua keping sampul surat beralamat sendiri dengan setem RM1.50.
- c. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan.
- d. Keterangan lanjut mengenai iklan seperti syarat-syarat lantikan boleh didapati di Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia Majlis Daerah Kampar pada waktu pejabat atau melalui telefon 05-4671052, 05-4671059 dan 05-4671027.
- e. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada:-  
  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kampar,  
Kompleks Pentadbiran MDKpr,  
Jalan Iskandar,  
31900 Kampar,  
Perak Darul Ridzuan.
- f. Tarikh tutup permohonan adalah pada **09 Februari 2024**.

**CATATAN AM :**

- a. Borang permohonan yang tidak lengkap diisi tidak akan diterima. Sila nyatakan TIADA atau ' --- ' sekiranya tidak berkaitan;
- b. Hanya calon yang berjaya selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga dan keputusan pemilihan adalah muktamad;
- c. Segala tuntutan perbelanjaan berkaitan dengan permohonan atau temuduga dan permohonan lewat dan tidak lengkap tidak akan dilayan;
- d. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.



**(AHMAD SUQAIRY BIN ALIAS)**  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kampar



**MAJLIS DAERAH KAMPAR  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut: -

<b>JAWATAN</b>	:	PEMBANTU PENGUAT KUASA
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	PELAKSANA
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	:	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM (K)
<b>JADUAL GAJI</b>	:	(MINIMUM - MAKSIMUM) RM 1,360.00 - RM 4,052.00
<b>TARAF JAWATAN</b>	:	KONTRAK ( <i>CONTRACT OF SERVICE</i> )

1. **SYARAT LANTIKAN** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

- a) Warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **dan**
- c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00);  
**atau**

ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00);  
**atau**

iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.40);  
**atau**

iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,472.80);  
**dan**

- d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - iii) mempunyai ukuran Index Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - v) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

**2. SYARAT  
KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1 (c)(i), 1 (c)(iii) atau 1 (c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.